



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH (LPS)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan ini menafikan kenyataan yang disiarkan dalam akhbar Sin Chew Daily pada 30 Oktober 2014 (Khamis) berhubung isu Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Kenyataan tersebut yang merujuk kepada taklimat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang antara lain menyatakan bahawa bilangan keanggotaan LPS yang perlu berdaftar dengan KPM dikurangkan jumlahnya daripada 15 orang kepada sembilan (9) orang atau sekurang-kurangnya lima (5) orang.

KPM ingin menegaskan bahawa bilangan keanggotaan LPS adalah mengikut surattcara pengelolaan bagi setiap institusi pendidikan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 53 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan keanggotaan tersebut juga hendaklah selaras dengan keanggotaan yang ditetapkan di bawah *Education (Grants) (Amendment) Regulations, 1966 [P.U.334]*.

Sehubungan dengan itu, KPM ingin menegaskan sekali lagi bahawa dasar dan peraturan sedia ada berhubung dengan LPS adalah masih kekal dan hendaklah digunapakai oleh semua pihak yang terlibat.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
7 NOVEMBER 2014**